

ورتا قنرغن Warta Penerangan



DISEMBER 2019



مفكرنكلن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan

Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan


- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Rimba Point, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAI Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.





Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan	Muka
Tingkatkan pengetahuan peserta	5
PMB lawat dua syarikat tempatan	6
50 warga Kampung Kiudang sertai PMB	7
Lebih 30 penduduk RPN Meragang sertai PMB	8
Sua Muka jelajah Rumah Panjang Mendaram Besar	9
Barigakan pelbagai maklumat, undang-undang	10
Salurkan maklumat bermanfaat	10-11
Program Sua Muka dekati Kampung Sinaut	11-12
Mengenali kefahaman ajaran sesat, peraturan dalam persatuan	12-13
Pelajari industri pertanian, agrimakanan	13
Rombongan PMB kunjungi tempat bersejarah	14
Hormati bendera negara	14-15
Rombongan Program Syababul Watan dekati Jabatan Penerangan	15-16
Kumpulan Belia Masjid kenali Jabatan Penerangan	16
PMB tinjau RGC dan RZ Prisma Enterprise	17
Kenali jenayah siber, industri tanaman	17-18
Pemberita, jurugambar dan tugasan	18
Unit Penyelidikan dan Perkembangan	19
Pengedaran Akhbar Pelita Brunei	19-20
Hadiri forum di luar negara	20-21
Pengagihan kalendar	21
Penyewaan kemudahan mantapkan tadbir urus fiskal	22

Tingkatkan pengetahuan peserta

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



GAMBAR ramai Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bersama peserta PMB bagi Kampung Kiudang.

BANDAR BEGAWAN, 4 Disember. - Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) dan Kingston Beverage & Creamery Sendirian Berhad menerima lawatan daripada peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Kiudang.

SERI Turut hadir dan menyertai lawatan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, selaku Penasihat Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Kiudang bersama 50 peserta yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kiudang, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali.

Lapau yang diisikan dengan taklimat daripada Pegawai Penyelidik, Awang Mohd. Zaim bin Mahmud mengenai sejarah terbinanya Bangunan Lapau dan peristiwa-peristiwa penting seperti peristiwa kegemilangan bagi Adat Istiadat Perpustakaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 5 Oktober 1967 dan Adat Istiadat Pembukaan dan Penutupan Gendang Jaga-Jaga.

Lawatan dimulakan dengan kunjungan ke JAIN, yang mana para peserta diperdengarkan taklimat ringkas bertajuk 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri (Bahasa Dalam)' yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, JAIN, Awangku Mohd. Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad.

Lawatan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Juga hadir, Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Dato Paduka Awang Razali bin Haji Badar.

Para peserta kemudian melawat Syarikat Kingston Beverage & Creamery Sendirian Berhad dan diberikan taklimat mengenai peranan dan fungsi syarikat.



TURUT hadir mengalu-alukan rombongan ialah Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Dato Paduka Awang Razali bin Haji Badar.

Lawatan diteruskan ke Bangunan

PMB lawat dua syarikat tempatan

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



GAMBAR ramai peserta PMB bagi Kampung Kiudang semasa melawat Syarikat Perniagaan Malar Setia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Disember. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Kiudang diteruskan di sebelah petang hari kedua dengan membuat lawatan ke dua buah syarikat tempatan iaitu Syarikat Perniagaan Malar Setia (SPMS) dan Ladang Syarikat Tunas Harapan Agricultural Farm Sendirian Berhad.

Turut hadir dan menyertai lawatan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, selaku Penasihat Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Kiudang

bersama 50 peserta yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kiudang, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali.

Semasa lawatan ke SPMS, Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Metasim memberikan taklimat ringkas mengenai latar belakang syarikat tersebut yang ditubuhkan pada tahun 1987 dan dahulunya dikenali dengan Heng Ngee Trading Company.

Pelanggan SPMS setakat ini terdiri daripada lebih 800 pengedar di Negara Brunei Darussalam seperti supermarket, mini mart, restoran/kafe/ hotel, farmasi dan petrol mart.

Seterusnya rombongan membuat lawatan ke Ladang Syarikat Tunas Harapan Agricultural Farm Sendirian Berhad di Kampung Parit Masin.

Di sini, rombongan mendengar taklimat mengenai perkembangan syarikat tersebut disampaikan oleh Penyelia syarikat berkenaan, Andi Setiawan yang antaranya menjelaskan mengenai salah sebuah tapak ladang berkenaan yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Sibongkok, Kampung Parit Masin yang mengamalkan sistem 'greenhouse' dan sistem pengairan titis atau Irigasi titis.



ROMBONGAN Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Kiudang mendengar taklimat mengenai perkembangan Syarikat Tunas Harapan Agricultural Farm Sendirian Berhad.

50 warga Kampung Kiudang sertai PMB

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong (depan enam kanan) Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (depan lima kanan) bergambar ramai bersama para peserta pada Majlis Perasmian PMB bagi Kampung Kiudang.

KIUDANG, Selasa, 3 Disember. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) merupakan landasan bagi Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya dalam mencapai Wawasan 2035.

PMB memberikan fokus kepada dua tema, iaitu 'Keusahawanan' dan 'Keutuhan Masyarakat' di mana penglibatan masyarakat terutamanya golongan belia di dalam memajukan ekonomi negara di bidang keusahawanan memainkan peranan penting dalam mempelbagaikan ekonomi negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Sellahuddin selaku Pengerusi Majlis ketika menyampaikan

ucapan alu-aluan pada Majlis Perasmian PMB bagi Kampung Kiudang yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Birau.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong. Juga hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Seramai 50 peserta dari Kampung Kiudang menyertai program tersebut yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kiudang, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali.

Peserta PMB juga berkesempatan menerima beberapa pencerahan mengenai program peningkatan keupayaan keusahawanan bagi membangun Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) daripada Penolong Pegawai Public Outreach DARE, Dayang Nur Iffat Nazurah binti Abdul.

Lebih 30 penduduk RPN Meragang sertai PMB

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Pemangku Penghulu Mukim Serasa (depan tiga kanan) bergambar ramai semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Program Masyarakat Bermaklumat bagi RPN Kampung Meragang, Mukim Serasa.

MERAGANG, Selasa, 3 Disember. - Seramai 34 peserta Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang, Mukim Serasa menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) selama dua hari anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program yang berlangsung di Pusat Tingkatan Enam Meragang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Pemangku Penghulu Mukim Serasa.

Turut hadir, Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Pemangku Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar, selaku Pemangku Ketua Unit Hubungan Masyarakat dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Majlis berkata, Jabatan Penerangan penuh berharap agar pelaksanaan PMB ini akan disambut baik dan dimanfaatkan sepenuhnya serta dijadikan sebagai langkah bagi mewujudkan para peserta bermaklumat dan berilmu agar dapat



SEBAHAGIAN peserta Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang yang hadir menyertai Program Masyarakat Bermaklumat.

sama-sama menandai hasrat kerajaan dalam mendukung pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

Program diteruskan dengan taklimat dari Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) mengenai Terasul dan Bahasa Pengganti Diri (Bahasa Dalam) yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awangku Mohd. Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad.

Sua Muka jelajah Rumah Panjang Mendaram Besar

Oleh: Noraisah Haji Muhammed
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



GAMBAR ramai Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput (duduk tengah) selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi pada Program Sua Muka di Rumah Panjang Mendaram Besar, Mukim Labi.

BELAIT, Selasa, 10 Disember. - Rumah Panjang Mendaram Besar mempunyai 12 buah bilik yang dihuni seramai 52 orang penduduk dari 11 buah kelamin di bawah pimpinan Ketua Rumah Panjang Mendaram Besar, Awang Berandi anak Jamau.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait telah mengadakan Program Sua Muka yang juga dikenali sebagai Program *Personal Contact* di Rumah Panjang Mendaram Besar, Mukim Labi, Daerah Belait.

Hadir pada program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi.

Rombongan dari Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pegawai Penerangan

Kanan juga selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Yahya.

Pada program tersebut, beberapa isu dibangkitkan terutama yang berkaitan mengenai penyediaan prasarana, kemudahan, kebersihan, keselamatan dan kebajikan alam sekitar serta kebajikan awam.

Program merangkumi taklimat

mengenai pemakaian dan penjagaan bendera dan juga akta berkaitan berita palsu, yang disebarkan dengan cepat, terutama wujudnya pelbagai aplikasi seperti *WhatsApp*, *WeChat*, *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*.

Setakat ini, sebanyak 195 (98 peratus) isu yang dikongsikan pada Program Sua Muka bagi sesi 2017/2018 telah diselesaikan dari 199 isu yang diterima.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi semasa hadir pada Program Sua Muka di Rumah Panjang Mendaram Besar, Mukim Labi.

Barigakan pelbagai maklumat, undang-undang

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat MPK Kiudang (dua kiri) mengajukan pertanyaan pada sesi soal jawab bersama para perwakilan daripada agensi-agensi yang dijemput memberikan taklimat.

TUTONG, Selasa, 3 Disember. - Para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Kiudang, Mukim Kiudang didedahkan dengan beberapa taklimat di Pusat Kemasyarakatan Kampung Birau.

Hadir, Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat MPK Kampung Kiudang.

Taklimat bertajuk 'Menjaga Anak-anak Awda Selamat Dalam Talian (*Keeping Your Children Safe Online*)', disampaikan oleh Penganalisis Sekuriti (*Security*

Analyst), Syarikat IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS), Dayang Siti Khadijah binti Haji Ismail manakala taklimat bertajuk 'Isu Pengangguran dan Memilih Pekerjaan', disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, JobCentre Brunei, Dayang Nurhayati binti Haji Zaini.

Jelasnya, JobCentre Brunei merupakan 'One-Stop Career Centre' bagi para pencari kerja tempatan dan majikan di sektor swasta dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan serta latihan berkaitan untuk pencari kerja dan pekerja tempatan juga perniagaan.

Sementara itu, Awang Haji Zuneidy bin Jumat daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan taklimat bertajuk 'Penyelewengan Aqidah'.

Salurkan maklumat bermanfaat

Oleh: Noraisah Haji Muhammed
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BELAIT, Selasa, 24 Disember. - Program Sua Muka yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait bertujuan untuk membentuk dan menggalakkan kesedaran rakyat serta penduduk untuk melahirkan perubahan sikap yang positif sejajar dengan kepentingan negara.

Sehubungan itu, rombongan Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Yahya juga selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Sua Muka atau Personal Contact bagi Kampung Pandan 'B' di kediaman Pemangku Ketua Kampung Pandan 'B', Mukim Kuala Belait Awang Morney bin Ahmat.

Hadir pada program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Pemangku Penghulu Mukim Kuala Belait, yang juga selaku Penghulu Mukim Liang.

Pada program tersebut, beberapa isu telah dibangkitkan terutama yang berkaitan mengenai penyediaan prasarana, kemudahan, keselamatan, kebersihan dan kebajikan alam sekitar serta kebajikan awam.

Taklimat turut menjelaskan mengenai cara yang betul di dalam menggunakan bendera negara dan juga penjagaannya selain menyarankan kepada penduduk dan rakyat di negara ini untuk menaikkan bendera semasa hari-hari kebesaran dengan cara yang betul

dan memastikan bendera tersebut tidak koyak, luntur atau pudar warnanya.

Penduduk kampung juga didedahkan mengenai akta berkaitan berita palsu, yang cepat tersebar melalui pelbagai aplikasi seperti *WhatsApp*, *WeChat*, *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* yang disampaikan oleh Dayang Ruhil Amal Faridah.

Penggunaan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan juga dikongsikan bagi memperkenalkan dan membarigakan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN'.



HADIR pada Program Sua Muka tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Pemangku Penghulu Mukim Kuala Belait, juga selaku Penghulu Mukim Liang (kanan).

Program Sua Muka dekati Kampung Sinaut

Berita dan Foto: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



ANTARA penduduk Kampung Sinaut yang hadir pada Program Sua Muka yang berlangsung di Pusat Kemasyarakatan Kampung Luagan Dudok.

TUTONG, Sabtu, 21 Disember. - Jabatan Penerangan meneruskan Program Sua Muka bagi meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat serta rakyat dan kerajaan yang diadakan di Pusat Kemasyarakatan Kampung Luagan Dudok.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pengarah

Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Juga hadir, Pemangku Ketua Kampung Sinaut, Awang Haji Johor bin Haji Kamis dan penduduk kampung berkenaan.

Dalam pertemuan tersebut, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini antara lain mengongsikan data isu

bagi Program Sua Muka tahun 2017/2018 mencatatkan sebanyak 199 isu yang diterima dari seluruh daerah, dan empat perkara yang belum selesai (di bawah kategori prasarana).

Turut dijelaskan ialah kesalahan pengibaratan bendera, akta penyebaran maklumat palsu dan program-program di bawah Unit Perhubungan Masyarakat. Beberapa isu berkaitan penyediaan prasarana, kemudahan, keselamatan, kebersihan dan kebajikan alam sekitar serta kebajikan awam turut dibangkitkan.

Kampung Sinaut yang dihuni oleh seramai 1,060 penduduk dengan keluasan kampung 3.5km persegi tidak ketinggalan untuk sama-sama menikmati beberapa kemudahan asas daripada pihak kerajaan seperti elektrik, air, telefon, jalan raya, sekolah menengah dan pejabat pos.

Program Sua Muka dekati Kampung Sinaut (sambungan)

Program berkenaan merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan untuk membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan

mukim dan kampung melalui akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei, selain menyampaikan maklumat serta isu-isu semasa dan dasar kerajaan.



GAMBAR ramai Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini (tiga kiri) pada Program Sua Muka bagi Kampung Sinaut, Tutong. Juga hadir Pemangku Ketua Kampung Sinaut, Awang Haji Johor bin Haji Kamis (tiga kanan).

Mengenali kefahaman ajaran sesat, peraturan dalam persatuan

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto: Azmah Haji Ahad



TAKLIMAT mengenai Undang-Undang dan Peraturan dalam Persatuan disampaikan oleh Pegawai Pendaftaran, Bahagian Pendaftaran Pertubuhan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dayang Norazlina binti Haji Ahmad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam dari segi kepercayaan dan pengamalan adalah berasaskan mazhab Ahli Sunah Waljamaah mengikut pendekatan al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah dalam bidang Usuluddin dan mazhab Imam Al-Shafi'e dalam bidang syari'ah.

Pegawai Ugama, Bahagian Penguatkuasa Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayangku Norleilawati binti Pengiran Haji Md. Salleh menjelaskan, sungguhpun fahaman Ahli Sunah Waljamaah bertapak dengan kukuh di Negara Brunei Darussalam, namun negara ini tidak pernah sunyi dari cabaran dan ancaman terhadap kelestarian Ahli Sunah Waljamaah.

“Ancaman ini datang dari pelbagai sudut termasuk wujudnya ajaran-ajaran songsang, aliran-aliran baharu yang ekstrem, amalan-amalan khurafat dan sebagainya,” ujarnya semasa menyampaikan taklimat ‘Kefahaman Ajaran Sesat’ pada

Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang Mukim di Bilik Taklimat, Pusat Tingkatan Enam Meragang.

Turut dikongsikan ialah ciri-ciri ajaran sesat, iaitu mencemarkan kesucian Al-Quran dan hadis seperti memansukh, mengubah, mempertikai atau membuat tafsiran menyeleweng terhadap Al-Quran dan hadis; mengubah prinsip-prinsip asas dalam akidah Islam dan sebagainya.

Taklimat diteruskan dengan penerangan mengenai Undang-Undang dan Peraturan dalam Persatuan daripada Pegawai Pendaftaran, Bahagian Pendaftaran Pertubuhan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dayang Norazlina binti Haji Ahmad yang antaranya mengongsikan visi bahagian tersebut untuk menjadi sebuah pejabat pengurusan pertubuhan-pertubuhan berdaftar profesional sejajar dengan visi PPDB iaitu 'Bersama Ke Arah Keamanan Dan Keselamatan Yang Berkekalan'.

Pelajari industri pertanian, agrimakanan

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Kiudang semasa mengajukan pertanyaan pada sesi soal jawab sejurus mendengarkan taklimat berkaitan industri pertanian dan agrimakanan di Dewan Kemasyarakatan Birau.

KIUDANG, Selasa, 3 Disember. - Misi dan visi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan adalah untuk meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian, penternakan dan agrimakanan secara berterusan setiap tahun sehingga dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan seterusnya kepelbagaian ekonomi.

Sehubungan itu, jabatan tersebut mengongsikan beberapa statistik pengeluaran bagi industri ternakan di negara ini dan perkara yang perlu dalam bidang pemeliharaan ternakan pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Kiudang yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Birau.

Taklimat Industri Ternakan di Negara Brunei Darussalam pula disampaikan oleh Pembantu Pertanian Kanan, Dayang Sunyi binti Terumpak manakala taklimat 'Peluang-Peluang Perniagaan Dalam Sektor Pertanian' pula disampaikan oleh



PEGAWAI Pertanian, Awang Mohamad Faa'id bin Haji Mohamad Kasim menyampaikan taklimatnya mengenai 'Peluang-Peluang Perniagaan Dalam Sektor Pertanian'.

Pegawai Pertanian, Awang Mohamad Faa'id bin Haji Mohamad Kasim yang juga menyentuh mengenai industri sayur-sayuran, buah-buahan dan juga florikultur.

Menurutnya terdapat beberapa peluang perniagaan penghasilan produk tambah nilai berasaskan tanaman yang boleh dimajukan antaranya pembuatan sos dan perisa, produk 'freeze-dried', jus dan snek.

Rombongan PMB kunjungi tempat bersejarah

Oleh: Khartini Hamir
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat semasa menyaksikan proses pembuatan kain tenunan Brunei.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat mendengarkan penerangan semasa melawat ke salah sebuah ruang pameran Pusat Sejarah Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama Jawatankuasa Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang, Mukim Serasa, meneruskan program berkenaan dengan mengadakan lawatan ke beberapa tempat di ibu negara.

Terdahulu, rombongan yang terdiri daripada 34 peserta itu berpeluang melawat Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Ketibaan rombongan disambut oleh Pemangku Penyelia pusat berkenaan, Awang Haji Bakar bin Haji Jaludin, yang juga menyampaikan Taklimat Ringkas kepada para pelawat sebelum mereka dibawa beredar ke galeri-galeri untuk meninjau bengkel tradisional, yang memaparkan aktiviti menenun kain, menganyam, pertukangan perak dan tembaga, pembuatan keris, tasbih, seni ukiran dan pembuatan songkok.

Rombongan seterusnya membuat lawatan ke Pusat Sejarah Brunei (PSB) dan dialu-alukan oleh Pegawai Sejarah Kanan, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad yang seterusnya menyampaikan taklimat ringkas mengenai Sejarah Penubuhan PSB, visi, misi dan juga tujuan penubuhan PSB.

Rombongan seterusnya dibawa melawat ke beberapa buah galeri pameran yang terdapat di pusat berkenaan.

Hormati bendera negara

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohamad Noor/Morshidi

MERAGANG, Rabu, 4 Disember - Dalam usaha berterusan untuk menyemai semangat patriotisme dan mengukuhkan jati diri, Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah menyampaikan Taklimat Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi peserta-peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang, Mukim Serasa yang diadakan di Pusat Tingkatan Enam Meragang.



ANTARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi penduduk Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang, Mukim Serasa semasa hadir mendengarkan taklimat.

Taklimat yang menyentuh reka bentuk awal bendera negara, perkembangan bendera hingga ke hari ini diikuti dengan tatacara menaikkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' merupakan antara perkara-perkara yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohd. Hisyam bin Haji Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan.

Beliau mengingatkan para peserta program untuk sentiasa menghormati bendera negara sebagai lambang perpaduan negara dan sama-sama mengibarkan bendera negara dengan semangat patriotisme pada waktu-waktu yang telah diisytiharkan seperti semasa acara-acara kenegaraan iaitu Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Hari Kebangsaan dan hari-hari yang diisytiharkan dari masa ke semasa melalui televisyen dan corong-corong radio serta akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei.

Sementara itu, taklimat mengenai Peranan Darussalam Enterprise (DARE) dalam membangun Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Public Outreach DARE, Dayang Nur 'Iffat Nazurah binti Abdul Razak.

Turut hadir pada sesi taklimat tersebut ialah Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung Meragang, Mukim Serasa, Awang Mohammad Hadi Muslim bin Abdullah.



TAKLIMAT mengenai Peranan Darussalam Enterprise (DARE) dalam membangun Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) disampaikan oleh Penolong Pegawai Public Outreach DARE, Dayang Nur 'Iffat Nazurah binti Abdul Razak.

Rombongan Program Syababul Watan dekati Jabatan Penerangan

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Disember. - Seramai 10 jurulatih dan pengawas serta 40 peserta berumur 10 hingga 17 tahun yang menyertai Program Syababul Watan (Tunas Bangsa) bagi anak-anak warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) membuat lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Ketibaan rombongan yang diketuai Pegawai Latihan Agama, Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan (U) Haji Muhamad Syasuandi bin Haji Abu Bakar dialu-alukan oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



PARA peserta Program Syababul Watan (Tunas Bangsa) bagi anak-anak warga Kementerian Pertahanan dan ABDB mendengarkan penerangan semasa mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan.

Sejurus itu, rombongan dibawa ke Bilik Persidangan, Aras II, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan bagi mendengar taklimat ringkas mengenai peranan

dan fungsi Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin.

Rombongan Program Syababul Watan dekati Jabatan Penerangan (sambungan)

Sementara itu, Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Abdul Hanif bin Haji Abd. Rahim, menyampaikan penerangan mengenai Pelita Brunei, manakala penerangan mengenai pameran-pameran yang terdapat di Bahagian

Pelita Brunei disampaikan oleh Penolong Penyunting Tingkat II, Dayang Norliah binti Md. Zain. Turut diadakan semasa lawatan tersebut ialah sesi kuiz.

Tujuan lawatan ialah untuk

memberikan pengetahuan mengenai peranan, fungsi dan mekanisme Jabatan Penerangan dalam membarigakan maklumat dan mengetahui impak informasi dan media sosial.

Kumpulan Belia Masjid kenali Jabatan Penerangan

Berita dan Foto: Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Disember. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri berperanan sebagai 'lidah' dan 'mulut' kerajaan dalam menyalurkan kepelbagaian maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan kepada orang ramai.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peranan dan fungsi serta gerak kerja Jabatan Penerangan, seramai 18 orang dari Kumpulan Belia Masjid, Masjid Pengiran Anak Haji Mohamad Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong telah mengadakan lawatan sambil belajar ke jabatan tersebut.

Rombongan yang diketuai oleh Penyelia Kumpulan Belia Masjid, Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong, Awang Muhammad Padini bin Ta'ai itu dimulakan dengan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin berlangsung di Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Seterusnya rombongan dibawa

ROMBONGAN Kumpulan Belia Masjid Pengiran Anak Haji Mohamad Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong mendengarkan penerangan semasa melawat Bahagian Pelita Brunei.



melawat ke Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bilik Persidangan Tingkat 2, Unit Fotografi, Bahagian Pelita Brunei, Pusat Rujukan dan Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.

Selain ke Jabatan Penerangan,

rombongan juga telah mengadakan lawatan ke Pusat Sejarah, Pusat Da'wah Islamiah bagi mengisi aktiviti kumpulan masjid berkenaan dalam menimba sebanyak mungkin pengetahuan mengenai hal ehwal kerajaan dan negara.



GAMBAR ramai rombongan Kumpulan Belia Masjid, Masjid Pengiran Anak Haji Mohamad Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong semasa melawat Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.

PMB tinjau RGC dan RZ Prisma Enterprise

Oleh: Khartini Hamir

Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PENYELARAS Projek Syarikat K.N. Nursery (B) Sdn. Bhd., Awang Jamalludin bin Haji Yusoff menyampaikan taklimat ringkas mengenai latar belakang dan perkembangan syarikat tersebut.

MUKIM SENKURONG, Rabu, 4 Disember. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang, Mukim Serasa membuat lawatan ke Rimba Garden Central (RGC) dan RZ Prisma Enterprise.

Terdahulu, ketibaan rombongan seramai 34 peserta ke RGC dialu-alukan oleh Awang Jamalludin bin Haji Yusoff selaku Penyelaras Projek Syarikat K.N. Nursery (B) Sdn. Bhd yang kemudiannya menyampaikan taklimat ringkas mengenai latar belakang dan perkembangan syarikat berkenaan yang terkenal dengan perusahaan menjual tanaman bunga

dan pokok; pelbagai hiasan rumah dan taman dan lain-lain.

Sejurus itu, rombongan peserta PMB meneruskan lawatan mereka ke RZ Prisma Enterprise yang terletak di Kampung Kilanas dan dialu-alukan oleh Pengurus Am perusahaan berkenaan, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Para peserta juga berpeluang meninjau lebih dekat rumah terlindung (Green House) yang menempatkan tanaman pelbagai jenis sayuran antaranya *Green Oak, Red Coral, Frillice Iceberg, Butterhead* dan *Cos Romaine*.



PENGURUS Am RZ Prisma Enterprise, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail antaranya menerangkan mengenai peranan dan hasil jenis tanaman syarikat tersebut.

Kenali jenayah siber, industri tanaman

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin



SEBAHAGIAN peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi penduduk Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang semasa hadir mendengarkan taklimat di Pusat Tingkatan Enam Meragang.

MUKIM SERASA, Rabu, 4 Disember. - Lebih 30 orang penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang menghadiri taklimat mengenai Jenayah Siber dan Industri Tanaman di Pusat Tingkatan Enam Meragang.

Taklimat tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi kampung berkenaan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Taklimat Jenayah Siber yang disampaikan oleh Pegawai Pemasaran dan Kesedaran, Syarikat IT

Kenali jenayah siber, industri tanaman (sambungan)

Protective Security Services Sendirian Berhad (ITPSS), Dayang Siti Nor Izuana binti Ayob antara lain menjelaskan mengenai kepentingan pemasangan aplikasi anti virus bagi mengelakkan berlakunya pencemaran perisian 'malware' yang boleh merosakkan komputer dan telefon bimbit.

Ini diikuti dengan taklimat

daripada Juruekopertanian, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Siti Sundussiah binti Haji Abdullah Sani yang bertajuk 'Industri Tanaman'.

Beliau mengongsikan mengenai peluang-peluang perniagaan di dalam sektor pertanian antaranya

bagi pembekalan semeaian dan biji benih; perkhidmatan mesin pembajak serta penuaian; dan bagi menyediakan perkhidmatan modal perniagaan.

Hadir pada taklimat tersebut, Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung Meragang, Awang Mohammad Hadi Muslim bin Abdullah.

Pemberita, jurugambar dan tugas

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan



MENYAMPAIKAN atau membarigakan maklumat kepada orang ramai adalah antara visi Jabatan Penerangan sejak ianya ditubuhkan pada 1 April 1952 yang sebilangan besar disebarkan melalui akhbar rasmi kerajaan iaitu PELITA BRUNEI dengan sejarah awal penerbitan sulungnya yang dilancarkan pada 15 Februari 1956.

Sejak itu, akhbar rasmi berkenaan giat melaksanakan visinya untuk membudayakan masyarakat bermaklumat dengan membuat liputan pelbagai acara yang melibatkan keberangkatan kerabat diraja dalam dan luar negara, berita-berita tempatan, kemasyarakatan, sosial dan sebagainya yang mempunyai kepentingan di antara kerajaan dan masyarakat.

Pada bulan Disember ini beberapa pegawai Jabatan Penerangan terdiri daripada para penolong Penyunting, pemberita serta para jurugambar telah ditugaskan membuat liputan ke luar negara

DARI kanan Dk. Vivy Malessa binti Pg. Ibrahim, Aimi binti Sani, Noratini binti Haji Abas, Wan Mohammad Sahran bin Wan Ahmadi, Hamzah bin Mohidin, Haji Ahmad bin Haji Salim dan Mohd. Sahrizal bin Haji Said.

antaranya ke Republik Filipina bagi membuat liputan Pembukaan Rasmi Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30 pada 30 November 2019 sehingga penutupan rasmi pada 11 Disember 2019 serta 14 acara sukan yang disertai oleh Negara Brunei Darussalam.

Memandangkan acara-acara sukan yang disertai oleh Negara Brunei Darussalam diadakan



di kompleks-kompleks dan gelangang sukan yang berasingan setiap mereka membuat tugas secara berasingan mengikut pembahagian acara-acara sukan yang disertai negara.

Mereka terdiri daripada para Penolong Penyunting Tingkat II dan III, Haji Ahmad bin Haji Salim; Awang Wan Mohammad Sahran bin Wan Ahmadi; para Pemberita, Dk. Vivy Malessa binti Pg. Ibrahim; Noratini binti Haji Abas, Aimi binti Sani bersama dua Jurugambar iaitu Hamzah bin Mohidin dan Mohd. Sahrizal bin Haji Said.

DUA Jurugambar Jabatan Penerangan Mohammad Hatral Hazmi bin Awang Abdul Hamid (tiga kiri) dan Hernie Sultana Haji Othman (kiri) semasa bertugas sempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Eire pada 22 Disember 2019.

Unit Penyelidikan dan Perkembangan

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

MEMBUAT penyelidikan dan perkembangan dalam meningkatkan pembangunan kapasiti kerja pegawai serta kakitangan jabatan di samping memperoleh dan mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators* - KPI) merupakan salah satu tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Unit Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Penerangan.

Di bawah pengawasan Ketua Unit Penyelidikan dan Perkembangan, Pegawai Penerangan Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli @ Haji Ramli, unit ini dianggotai oleh seorang Pegawai Penerangan, Penolong Pegawai Penerangan dan Pembantu Pejabat serta empat Kerani yang bertanggungjawab dalam mendapatkan data khusus kepada KPI.

Unit ini, jelasnya, juga berperanan memantau kemajuan dan perkembangan KPI pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang juga selaku

sekretariat dalam menyelaraskan dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Penggerak Prestasi (JEPP).

Lain-lain tanggungjawab termasuklah menyelaraskan penempatan pegawai/kakitangan jabatan lain dan mahasiswa dan mahasiswi untuk membuat penempatan kerja di jabatan ini; merancang, menyelaraskan, mengendalikan dan mengenal pasti keperluan program latihan sama ada kursus (jangka panjang dan jangka pendek), seminar, forum, persidangan, simposium dan bengkel; merancang dan mengurus peruntukan dan perbelanjaan program latihan dalam dan luar negeri dari aspek pembangunan diri, penguasaan pengetahuan kemahiran, kreativiti dan inovasi; mengenal pasti kebolehan pegawai bagi mengisi jawatan kosong secara pemangkuan atau kenaikan pangkat bagi semua peringkat mengikut kesesuaian jabatan serta menyediakan kajian skim perkhidmatan jawatan dan tangga gaji, penyusunan semula struktur organisasi.



KETUA Unit Penyelidikan dan Perkembangan, Pegawai Penerangan Ali Termizzi bin Haji Ramlli @ Haji Ramli semasa mengongsikan peranan yang dilaksanakan oleh unit tersebut.

Pada 10 dan 11 Disember 2019, unit ini telah mengendalikan Program *Financial Health Check* di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri.

Menurutnya, pada tahun 2020, unit ini juga telah merancang untuk mengendalikan beberapa kursus dan bengkel di dalam dan luar negara antaranya Kursus Induksi; Bengkel Microsoft Excel; Bengkel In Design; Kursus Latihan Kebakaran; Kursus Penterjemahan; Journalism; Time Management dan Penempatan Kerja Pelita Brunei.

Pengedaran Akhbar Pelita Brunei

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu


SEIRING dengan arus kemodenan, akhbar rasmi Pelita Brunei (PB) tidak ketinggalan menerima tempiasnya dengan adanya usaha kerajaan menuju ke arah dunia digital. Ini jelas terbukti dengan pengurangan jumlah cetakan PB dari semasa ke semasa.

Jika dilihat menerusi sejarah pencetakan PB, ia mula dicetak sebanyak 300 naskah dan disebabkan peredaran masa, pada tahun 2014, pencetakan



KOTAK pengambilan Drive-thru bagi kemudahan orang ramai.

Pengedaran Akhbar Pelita Brunei (sambungan)



ANTARA kotak akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei yang ditempatkan di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan di Lapangan Terbang Lama Berakas.

meningkat sebanyak 22,000 naskhah. Namun begitu, jumlah cetakan berkurangan menjadi 10,000 naskhah pada tahun 2015 dan seterusnya pada tahun 2016 pula hanya dicetak sebanyak 8,000 naskhah. Pada tahun 2017, jumlah

cetakan berkurangan menjadi 5,000 naskhah sahaja sehinggalah sekarang.

Pada masa ini, naskhah-naskhah tersebut disimpan di Kotak PB yang disediakan dan ditempatkan di beberapa buah tempat yang strategik di keempat-empat daerah bagi memudahkan orang ramai mengambil dan memperoleh akhbar tersebut menerusi tadahan masing-masing.

Di Daerah Brunei dan Muara, sebanyak 32 Kotak PB telah disediakan, antaranya Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (*Drive-thru & kaunter*), Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Hospital RIPAS, stesen-stesen minyak di negara ini.

Sementara di Daerah Tutong pula, terdapat 10 Kotak PB, antaranya Pejabat Cawangan Penerangan

Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan), Petani Mall, Pusat Kesihatan Kampung Sungai Kelugos.

Manakala di Daerah Belait dan Temburong, masing-masing sebanyak sembilan dan lima Kotak PB disimpan di daerah berkenaan. Bagi Daerah Belait, antara tempat penyimpanan Kotak PB ialah Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria), Pusat Kegiatan Warga Emas dan Plaza Seria, manakala di Daerah Temburong pula, Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan) dan Terminal Perahu.

Bagi orang ramai yang tidak sempat memperoleh PB, awda bolehlah melayari e-Paper Pelita Brunei melalui Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan dengan memuat turun InfoDeptBN.

Hadiri forum di luar negara

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu, Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

S EORANG pegawai kanan dan dua orang pegawai dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri berpeluang menghadiri forum pertukaran media di luar negara.

Pada 23 Disember 2019 Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini telah menghadiri Majlis Penutup ASEAN-CHINA Year of Media Exchanges 2019 dan High Level Forum di Bangkok, Thailand pada 23 Disember 2019.

Sementara Pegawai Penerangan, Dk. Nasibahanim binti Pg Haji Bakar bersama Penolong



GAMBAR ramai Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini semasa menghadiri Majlis Penutup ASEAN-CHINA Year of Media Exchanges 2019 dan High Level Forum di Bangkok, Thailand. - Foto Ihsan Peserta Forum

Penyunting Tingkat III, Dayang Haniza binti Abdul Latif juga telah menghadiri The Tenth 10+3 Media Cooperation Forum dan The Asian

Mainstream Media Workshop 2019 anjuran bersama International Department, Central Committee of CPC dan People's Daily.



PEGAWAI Penerangan, Dk. Nasibahanim binti Pg. Haji Bakar bersama Penolong Penyunting Tingkat III, Dayang Haniza binti Abdul Latif semasa menghadiri The Tenth 10 + 3 Media Cooperation Forum anjuran bersama International Department, Central Committee of CPC dan People's Daily (kiri) sementara gambar kanan ialah lawatan ke Chengdu Research Base of Giant Panda Breeding.

Forum yang diadakan mulai 15 hingga 18 Disember 2019 di Chengdu, Sichuan Province di Republik Rakyat China disertai oleh 30 peserta dari dalam dan luar negara makanala The Asian Mainstream Media Workshop 2019 pula bermula pada 18 hingga 24 Disember 2019 di Beijing, Republik Rakyat China. Para peserta turut dialu-alukan dan diraikan dengan Malam Resepsi.

Sepanjang program, rombongan negara bersama

para peserta forum berkesempatan menghadiri sesi perbincangan berkenaan liputan dalam kalangan media ASEAN, China, Korea, Jepun, India, Pakistan, Bangladesh, Nepal di samping melawat beberapa buah tempat menarik dan tarikan pelancong di Chengdu dan Beijing; mendengarkan kuliah mengenai sistem pentadbiran CPC dan perkongsian mengenai kebaikan Belt Route Initiatives (BRI) daripada para pakar yang diundang khas; sesi dialog bersama pihak CPC; dan lawatan ke People's Daily, CGTN dan Huawei.

Pengagihan kalendar

Foto: Unit Penerbitan Melayu



KALENDAR Tahun 2020 dan juga 'planner' mula diagihkan kepada orang ramai bermula 21 Disember 2019 di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas dan juga di kaunter-kaunter cawangan jabatan ini masing-masing di Daerah Belait; Tutong dan Temburong.

Penyewaan kemudahan mantapkan tadbir urus fiskal

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BAGI mendukung dasar mempelbagaikan sumber ekonomi negara dalam usaha memantapkan lagi tadbir urus fiskal, Jabatan Penerangan menyediakan perkhidmatan penyewaan kemudahan untuk kegunaan orang ramai. Antara kemudahan yang dimaksudkan ialah Gelanggang Badminton (Gelanggang ‘A’ dan Gelanggang ‘B’), Dewan Setia Negara dan juga Auditorium.


Bagi memudahkan fasiliti kerajaan dapat disewa oleh orang awam dan pihak swasta, kemudahan-kemudahan tersebut boleh ditempah dengan menggunakan Sistem Penyewaan Kemudahan Kerajaan secara dalam talian atau Facilities Rental System (FRS) iaitu dengan melayari ‘www.12book.com.bn’ pada bila-bila masa dan di mana jua.

Berikut adalah kadar sewa dan waktu operasi bagi kemudahan-kemudahan yang boleh disewa menerusi sistem FRS: -

BIL.	NAMA KEMUDAHAN	KADAR SEWA	HARI DAN WAKTU OPERASI
1	Gelanggang Badminton ‘A’ atau ‘B’	BND10 / satu jam bagi satu gelanggang.	Isnin hingga Khamis dan Sabtu (7.00 malam – 10.00 malam) Jumaat dan Ahad (8.00 pagi – 10.00 malam)
2	Dewan Setia Negara	BND270 / sehari	Isnin hingga Ahad (8.00 pagi – 10.00 malam)
3	Auditorium	BND120 / sehari	Isnin hingga Ahad (8.00 pagi – 10.00 malam)



DEWAN Auditorium Jabatan Penerangan.



GELANGGANG badminton ‘A’ dan ‘B’ (kiri) sementara gambar kanan gelanggang badminton boleh ditempah menerusi Sistem FRS.



جوالن بوكو تربيتن جابتن قنرغن

DAPATKAN SEKARANG!

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00

HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00

HALUAN



Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015	\$10.00
2016	\$12.50
2017	\$8.50

BRUNEI TODAY



Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50
September 2018	\$2.50
Disember 2018	\$2.50
Mac 2019	\$2.50

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU



Tahun	Harga
2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00



Harga \$3.50

KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016



Harga \$4.00

BRUNEI-MUARA DISTRICT



Harga \$3.50

BELAIT DISTRICT

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

CAWANGAN DAERAH TEMBURONG
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 5221342

CAWANGAN DAERAH TUTONG
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 4220290

CAWANGAN DAERAH BELAIT
PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB4333, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 3224636

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**